



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN	TAJUK TAWARAN	YURAN TAWARAN
JDT/KPD/16/2025-2026	SEBUTHARGA BAGI PEMBEKALAN VENDING MACHINE SELAMA 36 BULAN (01.04.2026 – 31.03.2029)	\$5.00

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

KRITERIA PEMBORONG

- Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN

- Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran **secara online Yuran Tawaran (Document Fee) berjumlah \$5.00 (tidak dikembalikan/non-refundable)** dibuat di Unit Kewangan dan Stor, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

ISNIN HINGGA KHAMIS	8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
SABTU	8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang

TARIKH TUTUP MENGHADAPKAN TAWARAN

- Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **Hari Isnin, 02 Februari 2026 jam 2.00 petang.**
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

TATACARA MENGHADAPKAN TAWARAN

- Tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan **lampiran-lampiran yang diperlukan dalam LAMPIRAN A dengan LENGKAP DAN TERATUR.**
- Tawaran hendaklah dihadapkan menggunakan sampul surat biasa yang **dimeterai dan ditutup rapi (sealed) berserta dengan salinan resit yuran tawaran serta ditulis bilangan, tajuk tawaran, dan tarikh tutup tawaran di bahagian atas sebelah kiri sampul surat** tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada:

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TUTONG TA1141
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Tawaran hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.**

SYARAT-SYARAT LAIN

- Pemborong hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti semua isi kandungan di dalam Dokumen Tawaran ini.
- **Pemborong/ Syarikat yang mengikuti tawaran ini dimestikan untuk melawat ke kawasan projek berkenaan.**
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan adalah tepat dan sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah yang dinyatakan di dalam Borang Spesifikasi Tawaran adalah selaras dengan jumlah yang dinyatakan di Borang Pengakuan Syarikat.
- Pemborong hendaklah memastikan jumlah dalam perkataan adalah sama dengan harga tawaran dalam angka. **Jika tidak sama, tawaran dianggap tidak sah.**
- Pemborong hendaklah mengambil maklum bahawa sekiranya pemborong yang berjaya mendapat tawaran mempunyai hutang dengan Kerajaan, maka pemborong berkenaan hendaklah bersetuju bagi hutang-hutang berkenaan dibayar kepada Kerajaan melalui potongan bayaran perkhidmatan atau perbekalan yang ditawarkan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.